

20 JUL 1999

Nik Aziz-wanita

ISU WANITA "RUPAWAN" BERTUJUAN CARI KEADILAN

KOTA BAHARU, 20 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata kenyataannya mengenai kemungkinan mengambil wanita "kurang rupawan" sebagai kakitangan kerajaan negeri adalah langkah mencari keadilan.

"Ia begini, wanita yang rupawan Allah Taala dah beri dia rupa. Biasanya wanita yang ada rupa ini mendapat suami yang kaya. Wanita yang rupanya kurang ini kita kena pertimbangkan sedikit dengan duit. Kita beri kerja dia dapat duit, mudah-mudahan dia dapat suami yang baik," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta memberi penjelasan berhubung kenyataannya pada persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan di sini semalam.

Pada persidangan itu, Nik Aziz berkata kerajaan negeri masih kekal dengan dasar membenarkan wanita bekerja dan tidak mengamalkan diskriminasi apabila turut memberi pengikhtirafan dengan memberi cuti bersalin 60 hari serta cuti mingguan selama dua hari bagi membolehkan golongan itu memberi tumpuan kepada keluarga.

Ditanya adakah kenyataannya bermaksud wanita rupawan tidak perlu bekerja, Nik Aziz berkata: "bukan tak payah kerja, kalau dia tak kerjapun tak apa, sebab biasanya dia dapat suami yang baik, suami yang kaya".

"Kalau tak ada rupa, dia ada duit, kemudian ada rupa, ada suami yang baik dan kaya," katanya.

Ketika ditanya pemberita secara berseloroh bagaimana kalau tak mendapat suami yang baik dan kaya, Nik Aziz sambil ketawa menjawab: "itu takdirlah".

Nik Aziz yang juga Murshid Am Pas bagaimanapun enggan mengulas cabaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang rela tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang sekiranya beliau (Nik Aziz) dapat membuktikan ada ayat Al-Quran yang membenarkan umat Islam mencarut.

Dr Mahathir juga mencabar Nik Aziz melepaskan semua jawatan politiknya sekiranya gagal menunjukkan bukti bahawa Allah mencarut dalam Al-Quran.

Nik Aziz berkata beliau akan menjawab cabaran itu dalam ceramah politik anjuran Pas di pekan Tumpat di sini malam ini.

"Beginilah, malam ini ada ceramah di Tumpat, saya akan jawab malam ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan Pas Kelantan Abdul Fatah Harun berkata pihaknya akan mengedar risalah yang mengandungi petikan ayat-ayat Al-Quran bersama terjemahan yang dikatakan membenarkan mencarut.

Katanya risalah itu akan mula diedarkan dalam ceramah Pas pada 25 Julai ini di Stadium Sultan Mohamad ke IV bertema "Amanat Pilihan Raya", yang turut dihadiri oleh presiden Pas Datuk Fadzil Noor, timbalan presiden Abdul Hadi Awang dan Nik Aziz.

Katanya risalah itu juga akan dihantar ke Jabatan Perdana Menteri dan kepada ulama Umno.

"Kita membuat perkara ini bukan supaya Perdana Menteri mengundurkan diri sebaliknya untuk membuktikan bahawa perkara ini ada (dalam Al-Quran)," katanya.

-- BERNAMA

BD/RAR zb